



**SIARAN MEDIA**  
**SESI KONSULTASI RUU IPCMC BERSAMA**  
**250 ANGGOTA PASUKAN PDRM ZON SELATAN**

Johor Bahru, 11 September 2019 – Satu 'Sesi konsultasi Rang Undang-Undang Suruhanjaya Bebas Aduan Salah Laku Polis (IPCMC) 2019' bersama 250 anggota pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM) di negeri-negeri Zon Selatan (Johor, Melaka dan Negeri Sembilan) telah diadakan di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Johor hari ini oleh Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC).

Sesi konsultasi yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuh Nasional, Jabatan Perdana Menteri (GIACC), Tan Sri Abu Kassim Mohamed ini merupakan satu inisiatif dalam memberi penerangan dan kefahaman secara terus kepada anggota PDRM mengenai RUU IPCMC yang akan dibacakan di Parlimen pada Oktober ini.

"Sesi konsultasi ini adalah julung kali diadakan dan dijangka akan diadakan di tiga zon lain iaitu Tengah, Utara dan Sabah secara berperingkat sehingga akhir September.

"Ia bertujuan untuk menyampaikan intipati fungsi dan bidang kuasa IPCMC sebagaimana yang diperuntukkan dalam Rang Undang-Undang IPCMC 2019 serta mendapatkan maklum balas daripada anggota PDRM di peringkat akar umbi berkenaan rang undang-undang tersebut," katanya pada sesi konsultasi tersebut.

Turut hadir semasa sesi konsultasi berkenaan ialah Encik Mohamad Onn Abd Aziz, Setiausaha Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC), Ketua Polis Johor, Dato' Mohd Kamarudin Md Din dan Timbalan Ketua Polis Negeri Sembilan SAC Che Zakaria Othman.

Antara isu yang turut dibangkitkan pada sesi konsultasi ini oleh wakil anggota polis dari Zon Selatan ialah isu membabitkan keperluan meningkatkan kebijakan pasukan polis bagi menjamin integriti untuk memastikan pelaksanaan IPCMC adalah seiring dgn pemerkasaan entiti penguatkuasaan ini.

Penjelasan berkaitan penerimaan aduan turut mendapat perhatian semasa sesi konsultasi tersebut dan diberi penerangan yang khusus oleh Tan Sri Abu Kassim.

“Sekiranya berjaya dilaksanakan IPCMC ini, ia hanya akan menerima aduan salah laku yang dibuat bermula dari tarikh kuat kuasa Akta baru berkenaan.

“Manakala bagi aduan yang dikemukakan kepada EAIC sebelum tarikh kuat kuasa Akta IPCMC ini ianya akan diselesaikan dalam tempoh 6 bulan, yakni selepas Akta baru berkenaan diwarta dan dikuatkuasakan.

Untuk makluman, EAIC selaku agensi yang akan diperkasakan sebagai IPCMC telah memulakan siri lawatannya ke Zon Pantai Timur (Terengganu dan Kelantan) pada 3 September yang lalu ke premis-premis PDRM termasuk ibu pejabat polis daerah, balai, lokap dan kuarters bagi meninjau kemudahan fasiliti, logistik dan hal-hal berkaitan kebijakan serta kesejahteraan PDRM selaras dengan fungsi dan kuasa yang diperuntukkan oleh Rang Undang-Undang IPCMC 2019.

Rang Undang-Undang IPCMC 2019 telah dibentangkan kali pertama pada 18 Julai 2019 di Dewan Rakyat. Manakala bacaan kedua dan ketiga akan dibacakan pada sesi Parlimen akan datang yang dijangka bermula pada 7 Oktober 2019.

**-TAMAT-**

Unit Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan

11 September 2019

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Sekretariat Media EAIC Jasliza Jamil di talian 03-8880 5720/ e-mel: [jasliza\\_jamil@eaic.gov.my](mailto:jasliza_jamil@eaic.gov.my)